

27/05/1997

Kerajaan tidak jual tanah rakyat

JOHOR BAHRU, Isnin - Kerajaan Johor tidak pernah menggunakan kuasanya mendapatkan tanah rakyat untuk kepentingan pihak ketiga, kata Menteri Besar, Datuk Abdul Ghani Othman.

Beliau berkata, perkara itu amat diberi perhatian sebaik saja beliau dilantik menerajui negeri itu dua tahun lalu.

Katanya, kerajaan negeri juga sentiasa patuh arahan Kerajaan Pusat supaya pengambilan tanah rakyat hanya untuk projek pembangunan dan bukan dijual semula bagi mendapat keuntungan.

Beliau berkata, Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad sendiri mengarahkan semua menteri besar dan ketua menteri supaya mematuhi arahan itu, tahun lalu.

"Setakat ini, tidak ada tanah rakyat yang diambil untuk dijual semula kepada pihak ketiga.

"Jika ada pun, untuk pembangunan pelabuhan kedua.

"Ia dibenarkan dan dipersetujui Kerajaan Pusat," katanya selepas majlis makan malam di kediaman rasminya di sini, malam tadi.

Baru-baru, Dr Mahathir berkata terdapat sesetengah kerajaan negeri Barisan Nasional (BN) yang tidak memberi kerjasama dan berbeza pendirian dengan Pusat, terutama dalam melaksanakan projek pembangunan untuk kepentingan rakyat.

(END)